

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH minta **MENTERI KESIHATAN** langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menangani masalah kesihatan mental termasuk masalah bunuh diri dalam kalangan rakyat Malaysia terutamanya golongan muda yang semakin meningkat akibat Perintah Kawalan Pergerakan yang diperintahkan oleh Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pandemik COVID-19 yang membataskan kebiasaan aktiviti di kalangan masyarakat telah memberi impak kepada kesihatan mental di kalangan pelbagai lapisan masyarakat. Bagi golongan muda di peringkat umur remaja, kebiasaannya dikesan mengalami masalah kesihatan mental, emosi dan tingkah laku antaranya:

- (i) kemurungan (*depression*);
- (ii) keresahan (*anxiety*);
- (iii) tingkah laku berisiko; dan
- (iv) tingkah laku bunuh diri.

2. Bagi menangani isu dan masalah kesihatan mental dalam kalangan remaja ini, beberapa langkah telah dilaksanakan seperti berikut:

(i) **Program Minda Sihat Sekolah**

Pihak KKM telah melatih kaunselor dan guru-guru bimbingan & kaunseling di Kementerian Pendidikan bagi melaksanakan Program Minda Sihat Sekolah yang meliputi aktiviti saringan dan intervensi kesihatan mental. Sehingga kini sebanyak 2440 buah sekolah telah melaksanakan Program Minda Sihat. Semasa pandemik, program ini dilaksanakan secara atas talian. Pelajar yang disaring dan dikenalpasti mengalami masalah emosi atau tingkahlaku akan dirujuk untuk intervensi;

(ii) **Program PEARL (Program Expresi Anak Remaja Lestari) –**

Program ini merupakan kolaborasi antara Kementerian Kesihatan Malaysia dengan Kementerian Pendidikan Malaysia yang bertumpukan kepada meningkatkan kemahiran daya tindak (*coping skills*) dan resilien dalam kalangan pelajar;

(iii) **Program Siswa Sihat (PROSIS)**

Kementerian Kesihatan Malaysia juga telah mengadakan kolaborasi dengan Kementerian Pengajian Tinggi di dalam pelaksanaan Program Siswa Sihat (PROSIS) di universiti-universiti awam dan swasta yang turut mempunyai elemen saringan dan intervensi kesihatan mental;

(iv) **Program Kafe@Teen**

Kolaborasi lain adalah bersama dengan Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam melaksanakan Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial dan Program Kafe@Teen. Kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini penting bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan mental yang holistik.

(v) **Kempen *Let's TALK* Minda Sihat**

KKM juga melaksanakan Kempen *Let's TALK* Minda Sihat yang merupakan satu '*smart partnership*' melibatkan agensi kerajaan serta badan bukan kerajaan (NGO) dalam mempromosikan penjagaan kesihatan mental dan juga mear-warkan Talian Bantuan & Sokongan Psikososial.

3. Kementerian Kesihatan komited dalam mempromosikan penjagaan kesihatan mental masyarakat dan sentiasa bekerjasama dengan agensi yang berkaitan dari masa ke semasa dalam usaha mencegah kejadian bunuh diri di kalangan rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.